

KELEBIHAN KEUSAHAWANAN SISWA DI ERA DIGITAL

*Azura Mohd Noor¹, Fazni Mohamad Fadzillah¹

¹Fakulti Perakaunan, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perlis

*Koresponden: azura@uitm.edu.my



Secara purata, 224,000 graduan dilahirkan pada setiap tahun berbanding penawaran kerja berkemahiran tinggi yang hanya 127,000 pekerjaan (Muhammad Saufi, 2023). Ini menyebabkan lebih 90,000 graduan berdepan dengan masalah pengangguran akibat kekurangan peluang pekerjaan. Justeru itu Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mengambil inisiatif melancarkan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Keusahawanan Bersepadu Institusi Pendidikan Tinggi (PTK IPT) 2021-2025 pada Februari 2019 dengan tujuan untuk memperkasakan Pendidikan keusahawanan di institusi pengajian tinggi. Pelan ini mewujudkan satu kerangka strategik untuk membentuk ekosistem keusahawanan yang menggabungkan elemen seperti keusahawanan, akademik, industri, kerajaan dan komuniti dalam landskap pendidikan tinggi negara (Siti Rosnita & Nurbarirah, 2021; Hasmira & Aziah 2021).

Dalam konteks negara Malaysia, definisi Usahawan yang diguna pakai adalah individu yang mengambil tanggungjawab dan risiko memulakan, membangunkan dan mengembangkan sesebuah perusahaanan dengan menggembeleng sumber-sumber menjadi sesuatu yang mendatangkan hasil kekayaan dan/atau kesejahteraan sejagat. (Dasar Keusahawanan Nasional 2030, 38). Manakala siswa pula didefinisikan sebagai penuntut atau pelajar di pusat pengajian tinggi (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Oleh itu usahawan siswa dikenali sebagai usahawan muda yang masih menjalani proses pembelajaran di peringkat pengajian tinggi. Galakan penglibatan siswazah dalam aktiviti keusahawanan perlu dilaksanakan oleh setiap institusi pengajian tinggi kerana ia mampu mengurangkan isu pengangguran dalam kalangan graduan (Sabarudin et al., 2022). Kelebihan ini dapat dilihat apabila aktiviti – aktiviti keusahawanan di institusi pengajian memberi manfaat kepada siswazah dengan mencetuskan minat mereka untuk mula berniaga sepanjang tempoh pengajian dan meneruskan perniagaan

juga selepas tamat pembelajaran. Keusahawanan siswa sekaligus memungkinkan kadar ketergantungan kepada bidang utama mereka dalam membina kerjaya dapat dikurangkan. Di samping itu, aktiviti-aktiviti tersebut memberi ruang dan peluang kepada usahawan siswazah dalam membina jaringan di kalangan mereka terutamanya dari segi sokongan moral, maklumat dan sumber perniagaan (Sulianti, 2021).

Daripada Said bin Amir al-Ansari berkata, Rasulullah SAW ditanya, “Pekerjaan apakah yang paling baik?”. Baginda menjawab, “Pekerjaan seseorang dengan tangannya sendiri dan setiap perniagaan yang baik.”

(Hadis Riwayat al-Baihaqi, No.1222)

Menurut hadis di atas keusahawanan merupakan suatu kegiatan ekonomi atau bidang pekerjaan yang bagus menurut agama Islam. Kelebihan keusahawanan siswa ini juga boleh dilihat dari sudut kewangan iaitu ia menyediakan hasil pulangan yang berganda jika diusahakan secara bersungguh-sungguh oleh usahawan siswa sepanjang tempoh pengajian mereka (Sulianti, 2021). Usahawan siswa boleh berdikari untuk menyara diri mereka sendiri sepanjang bergelar mahasiswa dengan pendapatan yang ada. Malahan ada usahawan siswa yang turut membantu meningkatkan taraf hidup keluarga mereka melalui pendapatan yang dijanakan oleh perniagaan mereka.

Abdullah Ibnu Abbas RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Rebutlah lima perkara sebelum datangnya lima perkara. Masa sihat sebelum sakit. Masa kaya sebelum datangnya masa sempit (miskin). Masa lapang sebelum tiba masa sibuk. Masa mudamu sebelum datang masa tua dan masa hidup sebelum tiba masa mati”.

(Hadis Riwayat al-Hakim, No.7846 dan al-Baihaqi dalam Shu’ab al-Iman, No.10248)

Hadis di atas menuntut manusia untuk sentiasa peka kepada masa dan mengambil peluang untuk menyelesaikan perkara-perkara berfaedah dengan segera tanpa berlengah. Jatuh bangun dalam perniagaan merupakan cabaran yang akan dialami oleh mana-mana usahawan. Kelebihan utama para usahawan siswa terletak kepada usia mereka. Dengan umur yang muda mereka dikaitkan dengan semangat yang tinggi untuk mencuba sesuatu yang baharu, berani menghadapi cabaran serta mereka dikatakan lebih fleksibel dalam membuat keputusan. Pada masa kini, cetusan teknologi Revolusi Industri 4.0 telah mewujudkan pendigitalisasian teknik-teknik baharu dalam keusahawanan seperti kepelbagaian strategi pemasaran atas talian (Nurzaki, 2021; Siti Rosnita & Nurbarirah, 2021). Pada usia muda sebegini, usahawan siswa mampu memahami dengan cepat dan mengaplikasikan pengetahuan baharu ini dalam perniagaan mereka. Malahan pada usia muda, usahawan siswa mempunyai ruang dan masa yang lebih untuk terus mencuba perbaiki diri serta melakukan penambahbaikan berterusan kepada perniagaan yang dijalankan untuk mendapat hasil yang memberangsangkan dan sekaligus mendapat tempat di hati para pelanggan mereka.

Usahawan siswa turut mempunyai kelebihan dari sudut kesediaan pasaran di dalam institusi pengajian mereka (Nurzaki, 2021). Mereka dikelilingi oleh ribuan pelanggan yang sedia ada

iaitu para pelajar di institusi pengajian yang sama. Malahan staf institusi pengajian tersebut juga adalah sasaran pasaran yang mudah diperolehi kerana berada dalam lokasi yang sama. Usahawan siswa perlu peka dengan kehendak pasaran yang sedia ada ini untuk membolehkan mereka mencari strategi pemasaran yang sesuai untuk menarik bakal pelanggan menjadi pelanggan yang tetap. Selain cara pemasaran secara atas talian seperti facebook, Instagram dan seumpamanya untuk mengiklan produk atau servis yang diberikan, usahawan siswa juga boleh menggunakan cara pemasaran secara peribadi kerana jarak para pelanggan (para pelajar dan staf) hanya di sekitar lokasi yang berdekatan. Ini dapat mewujudkan kepercayaan pelanggan kepada usahawan dan berkemungkinan pelanggan baru akan muncul apabila pelanggan yang sedia ada berpuas hati dengan cara layanan usahawan siswa ini dan menyebarkan maklumat produk atau servis kepada rakan-rakan atau ahli keluarga mereka.

Abu Sa'id RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Peniaga yang jujur dan amanah akan bersama para Nabi, orang yang jujur dan orang yang syahid."

(Hadis Riwayat al-Tirmizi, No.1209)

Hadis di atas menunjukkan betapa agama Islam meninggikan darjat usahawan yang berniaga mengikut etika Islam seperti jujur dan amanah. Keberkatan dalam perniagaan yang dijalankan oleh seseorang usahawan siswa sepanjang pengajian mereka boleh secara tidak langsung memberikan impak positif kepada kehidupan pembelajaran mereka. Kekuatan usahawan siswa melalui akhlak yang mulia juga turut disokong oleh hadis di bawah:

Dari Mu'az bin Jabal RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Sesungguhnya sebaik-baik penghasilan ialah penghasilan para pedagang yang mana apabila berbicara tidak bohong, apabila diberi amanah tidak khianat, apabila berjanji tidak mengingkarinya, apabila membeli tidak mencela, apabila menjual tidak berlebihan (dalam menaikkan harga), apabila berhutang tidak menunda-nunda pelunasan dan apabila menagih hutang tidak memperberat orang yang sedang kesulitan."

(Hadis Riwayat Al-Baihaqi, No.221)

Hadis ini menggariskan sifat-sifat yang perlu ada pada diri usahawan semasa berurusan dengan para pelanggan demi menjamin kejayaan perniagaan mereka. Pelanggan dan bakal pelanggan merupakan pihak yang akan membeli produk atau servis yang ditawarkan oleh usahawan siswa. Sebagus mana produk atau servis yang ditawarkan tanpa disertai akhlak yang mulia, usahawan siswa tidak akan berjaya dalam perniagaannya bagi jangka masa yang panjang. Memberi penerangan yang benar berkenaan produk atau servis yang diberikan dapat meningkatkan tahap kepercayaan pelanggan kepada seseorang usahawan siswa tersebut dan ini merupakan kekuatan ini amat penting yang tiada tolok bandingnya. Tidak perlu menjatuhkan produk orang lain hanya untuk menunjukkan produk kita yang terbaik. Apabila pelanggan yang sedia ada mempunyai kepercayaan yang tinggi kepada seseorang usahawan siswa tersebut, berkemungkinan besar pelanggan-pelanggan baru akan turut muncul.

Secara kesimpulannya, menurut agama Islam menuntut ilmu dan bekerja merupakan suatu bentuk ibadah yang mulia dan mampu menaikkan darjat orang-orang yang melakukannya. Para usahawan siswa beruntung kerana mampu melakukan kedua-duanya serentak dan juga memperoleh pelbagai manfaat seperti memperoleh sumber kewangan dan juga peningkatan kemahiran diri. Dalam menceburi bidang keusahawanan, usahawan siswa perlu sentiasa memastikan keutamaan diberikan kepada pembelajaran mereka tanpa kompromi. Kajian oleh Rao, Rahman & Othman (2022) mendapati secara keseluruhannya, pelajar Universiti Awam mempunyai keinginan keusahawanan. Pendedahan kepada pelbagai kemahiran, sikap dan keadaan persekitaran yang kondusif diperlukan supaya mereka dapat membina pemikiran dan keinginan keusahawanan dalam diri mereka. Oleh yang demikian institusi pengajian tinggi perlu peka dengan perkembangan semasa supaya penyaluran ilmu keusahawanan yang terkini kepada para siswazah berjalan dengan lancar. Selain itu perancangan aktiviti keusahawanan perlu sering dilaksanakan bagi membantu para usahawan siswa memperkenalkan produk atau servis mereka dan sekaligus menaikkan minat kepada bakal usahawan siswa untuk menceburi bidang keusahawanan apabila melihat sokongan padu yang diberikan oleh pihak institusi pengajian tinggi.

RUJUKAN

- Hasmira, A. & Aziah, I. (2021). Pembangunan atribut keusahawanan dalam kalangan pelajar Kolej Vokasional KPM: Sasaran dan strategi pelaksanaan. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 8(3), 18 – 37.
- Kamus Dewan*. Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pembangunan Usahawan. (2019). *Dasar Keusahawanan Nasional 2030*, diambil dari <https://www.pmo.gov.my/ms/2019/08/dasar-keusahawanan-nasional/>
- Muhammad Saufi, H. (2023, 8 Februari). *90,000 bakal menganggur*, diambil dari <https://www.hmetro.com.my/utama/2023/02/937225/90000-bakal-menganggur>
- Nurzaki, I. (2021, 21 September). *Revolusi industri 4.0 pencetus usahawan pelajar masa kini*, diambil dari <https://www.dagangnews.com/article/revolusi-industri-40-pencetus-usahawan-pelajar-masa-kini-9137>
- Rao, N. H. C., Rahman, R. S. A. R. A., & Othman, N. (2022). Keusahawanan pelajar institusi pengajian tinggi: Adakah sikap, kemahiran dan persekitaran membentuk keinginan. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, (IJEPC), 7(48), 601 – 619.
- Sabarudin, A., Lokman, N. H., Jantan, N. S., Zainuridin, N. A., Abd Halim, A., & Khoiry, M. A. (2022). Tinjauan keberkesanan program keusahawanan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) terhadap kebolehpasaran graduan menurut perspektif alumni UKM. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(2), 1 – 14.
- Siti Rosnita, S. & Nurbarirah, A. (2021, 25 September). *Kreativiti tenaga kerja universiti corak usahawan graduan digital*, diambil dari <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2021/09/868501/kreativiti-tenaga-kerja-universiti-corak-usahawan-graduan-digital>
- Suliaty, A. (2021, 4 Januari). *Keusahawanan siswa*, diambil dari <https://www.hmetro.com.my/13cademia/2021/01/659961/keusahawanan-siswa>